

BAB 7 MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

K1: Soalan Objektif

Arahan: Pilih jawapan yang tepat dan jawab semua soalan.

7.1 Perpaduan dan Integrasi Nasional

- Apakah yang dimaksudkan dengan integrasi nasional? (Buku teks m.s. 140)
 - Masyarakat pelbagai kaum
 - Proses membentuk satu bangsa
 - Fahaman politik berasaskan kaum
 - Pendidikan vernakular dalam masyarakat
- Sistem Pendidikan Vernakular telah diperkenalkan semasa pentadbiran British. Apakah kesan pengenalan sistem tersebut? (Buku teks m.s. 141)
 - Mampu meningkatkan taraf hidup pribumi
 - Melahirkan masyarakat berkemahiran
 - Mampu menyatukan penduduk pelbagai kaum
 - Telah mewujudkan perbezaan pemikiran antara kaum

7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan

- Apakah penambahbaikan yang dilakukan dalam Kajian Aminuddin Baki dalam sistem pendidikan negara? (Buku teks m.s. 145)
 - Bahasa Melayu bahasa pengantar
 - Penekanan kepada subjek Sejarah
 - Memperkenalkan kursus kemahiran
 - Sistem persekolahan aneka jurusan
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Apakah hasil Laporan Jawatankuasa Kabinet? (Buku teks m.s. 146)
 - Pengenalan KBSR dan KBSM
 - Pengenalan Ordinan Pelajaran
 - Pengenalan Sekolah Teknik dan Vokasional
 - Pengenalan Kurikulum berorientasikan negara

7.3 Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu dan Bahasa Perpaduan

- Mengapakah institusi berikut ditubuhkan? (Buku teks m.s. 149)

- Institut Alam dan Tamadun Melayu
- Institut Bahasa, Kesusasteraan & Budaya

- Memantapkan perpaduan kaum
- Melahirkan masyarakat berkemahiran
- Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- Memperkasa kedudukan Bahasa Melayu

7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan. (Buku teks m.s. 150)
 - Perpaduan kaum melalui kebudayaan
 - Memupuk dan memelihara kebudayaan kebangsaan
 - Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
 - Penglibatan pelbagai kaum dalam mempromosikan pelancongan

7.5 Sukan Sebagai Alat Perpaduan

- Apakah kepentingan sukan dalam aktiviti kokurikulum kalangan murid sekolah? (Buku teks m.s. 152)
 - Mengisi masa lapang
 - Merapatkan hubungan antara murid
 - Mengeratkan hubungan antara kaum
 - Menarik kedatangan atlet dari luar negara
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

8. Maklumat di bawah ini adalah berkaitan dengan sukan di peringkat antarabangsa. (Buku teks m.s. 153)

- Le Tour de Langkawi
- Sukan Komanwel
- Piala Thomas

Apakah kepentingan sukan tersebut kepada negara kita?

- A. Menggalakkan perpaduan kaum
- B. Menambah pendapatan peniaga
- C. Menjadi tumpuan pelancongan sukan
- D. Menjadikan Malaysia terkenal di mata dunia

7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

9. Apakah yang anda faham tentang Rukun Negara?

(Buku teks m.s. 157)

- I. Taraf hidup dipertingkatkan
- II. Kebebasan mutlak untuk semua rakyat
- III. Membantu mengeratkan perpaduan antara kaum
- IV. Mengandung nilai kenegaraan dan norma sosial

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

10. Bagaimanakah Rukun Negara membantu membina masyarakat yang liberal?

(Buku teks m.s. 158)

- A. Menganggap diri sebagai rakyat Malaysia
- B. Bebas mengamalkan agama, adat dan budaya
- C. Kebebasan berpolitik dengan mematuhi Perlembagaan Negara
- D. Mempunyai peluang yang sama untuk menikmati kekayaan negara